



PERSATUAN WAKIL TAKAFUL NASIONAL MALAYSIA

WATAKMAS/EGM2009/001

20 Oktober 2009

Nama Ahli & Alamat

YBhg Dato'/Tuan/Puan,

NOTIS: MESYUARAT AGUNG KHAS WATAKMAS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Khas WATAKMAS akan diadakan seperti berikut:-

Tarikh : 15 November 2009 (Ahad)

Masa : 10 pagi – 1 tengahari

Tempat : Multipurpose Hall, Dataran Maybank, Bangsar

Sehubungan dengannya saya dan Ahli Jawatankuasa WATAKMAS dengan sukacitanya menjemput Dato'/Tuan/Puan untuk bersama-sama menyertai Mesyuarat Agung Khas WATAKMAS di atas. Aturcara Majlis dilampirkan. Berikut adalah agenda yang akan dibentangkan.

Agenda Mesyuarat Agung Khas WATAKMAS:

1. Pindaan Perlembagaan Dari Perlembagaan Bercawangan ke Perlembagaan Tidak Bercawangan.
2. Pindaan terhadap syarat keahlian di mana ahli mesti beragama Islam dan ahli yang bukan beragama Islam adalah ahli bersekutu.
3. Pindaan yuran keahlian WATAKMAS.
4. Pindaan nama Persatuan kepada Persatuan Wakil Etiqa Takaful Malaysia.

Besarliah harapan kami sekiranya Dato'/Tuan/Puan dapat melapangkan masa untuk bersama-sama menjayakan majlis ini. Sila sahkan kehadiran kepada Urusetia WATAKMAS pada atau sebelum 5 November 2009 dengan menghantarkan kad jawapan yang dilampirkan atau menghubungi Urusetia Watakmas di talian 017-2151858. Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat demi Agama dan Bangsa”

Yang Benar,

PERSATUAN WAKIL TAKAFUL NASIONAL MALAYSIA

HAMZAH BIN KAMMAPU

Presiden WATAKMAS